

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

TARIKH : 24 November 2015 (Selasa)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap tuntutan autonomi sepenuhnya dalam bidang pendidikan yang dicadangkan oleh Kerajaan Sarawak. Bilakah ia akan dilaksanakan. Adakah Kerajaan Pusat berhasrat memulihkan kedudukan "*equal partners*" bagi Malaya, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita melaksanakan sistem pendidikan berpusat. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan serta pekeliling dan Arahan Kerajaan Persekutuan.

2. Kementerian Pendidikan telah mewujudkan Jabatan Pendidikan di setiap negeri bagi melancarkan pengurusan pendidikan seluruh negara. Walaupun mengamalkan sistem pendidikan berpusat, negeri-negeri diberi kebebasan mengurus pendidikan negeri masing-masing dengan tertakluk kepada pengurusan pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 31

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengambil alih Sistem Penguatkuasa Elektronik (AES) daripada syarikat konsesi; dan
- (b) sejauh manakah pengambil alihan ini dapat memberi manfaat kepada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) telah mengambilalih pemilikan syarikat penyedia perkhidmatan AES iaitu A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. Pengambilalihan ini adalah melibatkan transaksi komersial di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.

- (b) Melalui pengambilalihan ini, Kerajaan melalui LTAT mempunyai kawalan (*full control*) dalam menentukan sebarang perancangan serta perkara-perkara berkaitan pelaksanaan AES pada masa akan datang. Selain itu, Kerajaan juga mempunyai fleksibiliti sekiranya terdapat perubahan dalam pelaksanaan mengambilkira perkembangan dan situasi semasa. Dalam hal ini, Kerajaan dan LTAT sebagai pemilik baru kepada syarikat penyedia perkhidmatan AES telah menetapkan objektif untuk menangani isu kemalangan jalan raya menjadi suatu keutamaan/prioriti kepada kedua-dua pihak bagi pelaksanaan projek nasional ini.